

Pembangunan usah korban pantai

B.H M/S 10
6.4.07

Pemuliharaan penting untuk generasi akan datang, kesinambungan pikat pelancong



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

SATU ketika dulu, setiap hujung minggu ramai penduduk Kuala Lumpur berpusu-pusu ke Port Dickson di Negeri Sembilan membawa keluarga dan sanak saudara berkelah dan bersantai di pantai untuk beristirahat sambil melepaskan lelah selepas penat bekerja.

Mereka membawa bersama bekalan makanan seperti nasi lemak, sandwich, kuih muih atau buah-buahan untuk mengalaskan perut selepas puas bermandi manda di laut yang tenang, bersih dan jernih.

Di sepanjang pantai yang pasirnya putih serta dihiasi pohon ru dan bakau merendang, kelihatan tersusun rapi khemah buantan sendiri yang kebanyakannya terdiri daripada kain pelekat dan batik atau kepingan plastik diikat merentang pada dahan pokok untuk melindungi diri daripada pancaran terik mentari pagi.

Di situlah mereka menikmati juadah dibawa atau berehat ketika mengawasi anak yang riuh pikuk mandi manda dan berkejaran di pantai, sambil menyedut udara laut segar atau mendengar dendangan lagu irama 60-an atau 70-an daripada radio transistor yang dibawa.

Mereka yang lewat sampai mungkin kecewa untuk mendapat tempat strategik bagi mendirikan khemah.

Riuh rendah dan gelak ketawa di pantai jelas kedengaran, serun serun, dari jauh

INTI PATI

- Sudah sampai masanya setiap pihak termasuk kerajaan, pihak berkuasa tempatan, NGO dan orang ramai memikirkan secara serius langkah bersepadu untuk menyelamatkan pantai negara daripada terus tercemar.
- Langkah penjagaan ini bukan saja bagi memelihara maruah negara dan kepentingan generasi akan datang, tetapi demi meneruskan usaha menarik pelancong asing untuk faedah ekonomi.
- Pelbagai pihak juga patut mengambil serius kempen kesedaran mengenai kepentingan pengurusan air kumbahan dan sistem pembetungan untuk mengekalkan kebersihan.
- Kawasan pantai patut diberi keutamaan dari segi penjagaan kebersihan. Sisa kumbahan yang dikeluarkan premis perlu melalui proses penapisan semula jadi agar tidak mencemari kawasan pantai dan laut.

laupun sering ke sana, cuma menghabiskan masa di bilik hotel.

Apa yang jelas ialah bakau dan ru rendang tidak banyak dapat dilihat. Kawasan tanah lapang antara jalan utama dengan pantai dari Tanjung Tuan hingga ke Teluk Kemang yang dahulunya tempat pengujung meletakkan kereta sudah tiada.

Ia dipenuhi hotel dan kondominium mewah. Sambil berjalan di sepanjang pantai itu terlintas juga dalam fikiran ke mana air kumbahan daripada hotel dan kondominium itu dilepaskan?

"Ke mana lagi kalau tidak ke laut," jelas seorang teman.

Walaupun kesahihan dakwaan ini tidak dapat dipastikan, berpandukan kepada pelbagai sampah saraf dan kotoran yang terapung di permukaan laut, termasuk sisa tuala wanita, dakwaan ini mungkin betul.

Air laut juga kelihatan kotor, berkeladak dan kekuningan. Satu ketika kami tersempak sepasang pelancong Jepun bersama dua anak kecil yang siap dengan pakaian mandi dan pelampung terjun ke laut.

Selepas berendam dalam air untuk tidak lebih 10 minit, mereka naik semula dan terus beredar ke kolam renang. Kami terlanjur malu untuk bertanya kenapa mereka tidak jadi mandi di laut.

Tetapi mereka yang sanggup mandi di laut mengadu bahawa badan mereka berasa gatal-gatal selepas mandi.

Tidak hairanlah kenapa kolam mandi di hotel sentiasa dipenuhi pelancong. Aneh juga bila difikirkan kenapa pelancong asing yang bersusah payah menempah untuk menginap di hotel tepi pantai akhirnya malah tidak mandi di hotel.

suarkan penduduk Pulau Pinang baru-baru ini mengenai bau busuk di Persiaran Gurney, satu-satunya tempat tarikan pelancongan yang menjadi kemegahan dan kebanggaan penduduk pulau itu satu masa dulu.

Adalah sesuatu yang menakutkan untuk difikirkan apa akan terjadi kepada pantai Malaysia 15 tahun dari sekarang apabila diisytiharkan sebagai negara maju.

Ketika negara sedang bersiap menyambut ulang tahun ke-50 kelahiran, mungkin sudah sampai masanya setiap pihak termasuk kerajaan, pihak berkuasa tempatan, NGO dan orang ramai mula memikirkan secara serius langkah bersepadu dan mapan yang perlu diambil untuk menyelamatkan pantai negara daripada terus berukhur.

Ini penting bukan saja untuk memelihara maruah negara dan kepentingan generasi akan datang, tetapi juga demi meneruskan kesinambungan usaha menarik pelancong asing untuk faedah ekonomi. Meningkatkan tahap dan kualiti hidup adalah teras keempat Misi Nasional yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Dalam tempoh rancangan itu, kerajaan memberi komitmen untuk memperluaskan perkhidmatan pembetungan bagi memastikan kesan kepada air permukaan mematuhi piawaian alam sekitar dan melindungi kesihatan awam.

Kempen kesedaran mengenai kepentingan pengurusan air kumbahan dan sistem pembetungan untuk mengekalkan kebersihan serta melindungi alam sekitar dan sumber air akan juga dipergiatkan.

